

Isu Tanah Dalam Filem-Filem Terpilih Rahim Razali

Siti Normala Hamzah*
Mohamad Saleeh Rahamad @Ahmad
Md Azalanshah Md Syed

Universiti Malaya, MALAYSIA

*Emel perhubungan: sitinormalahamzah@gmail.com

Abstrak

Artikel ini membicarakan isu dan polemik tanah yang diangkat sebagai tema dalam filem-filem terpilih Rahim Razali, seorang karyawan filem Malaysia. Tanah dan masyarakat Melayu sememangnya mempunyai hubungan yang erat dan sudah mewarnai ruang lingkup sejarah kehidupan masyarakat Melayu sejak zaman berzaman. Oleh yang demikian, tidak hairanlah tanah menjadi salah satu isu yang dipaparkan dalam filem Rahim Razali sebagai pemaparan realisme sosiobudaya bangsa Melayu serta memperlihatkan sisi perjuangan beliau yang sering mengangkat idea-idea semangat perjuangan dan kepentingan orang Melayu. Untuk kajian ini, pengkaji akan melihat soal tanah yang dibangkitkan dalam tiga buah filem beliau iaitu Abang, Puteri, dan Anak Sarawak.

Kata kunci: Tanah, filem, Rahim Razali, Melayu, Isu Melayu. Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADP)

Explicating Land Issues and the Malays in Selected Films of Rahim Razali

Abstract

This article discusses on the issue of lands as the main theme of selected films directed by Rahim Razali, a renowned movie maker in Malaysia. The theme is closely related to the Malays since yesteryears as land proprietary interests and the Malay rights and its supremacy continue to be contested in various domain. As a local movie director who passionately putting his creative works on multifaceted Malay issues, land has become one of the subject matters that featured in Rahim Razali's films as a revelation of the socio-cultural realm of the Malays. Besides, those films also showed the side of his strive and determination to uplift the ideas of the Malay struggles and interests. Henceforth this study aimed to discuss the issue of land pertaining to the Malays that raised in three of Rahim Razali's films, namely Abang, Puteri and Anak Sarawak.

Keywords: *Land, Rahim Razali's films, Malay, Malay issues, Integrated Agriculture Development Project (IADP)*

Pengenalan: Filem sebagai provokasi intelektual

Tanah dan masyarakat Melayu mempunyai hubungan yang cukup erat dan sukar dipisahkan. Selain menjadi petunjuk kepada kuasa (Mansor Hj Othman, 1978: 1, Ani Ahmad, 2000:58), tanah memberi suatu indikasi kepada konsep kedaulatan (Rohayati dan Rusnadewi, 2014:284, Mohd Hasrol Haffiz, 2015:36). Pelbagai kisah mengenai tanah dan naratif mengenainya telah mewarnai setiap lingkup sejarah kehidupan masyarakat Melayu sejak beratus tahun dahulu. Tanah adalah aset penting (Mohd Hasrol Haffiz, 2015: 36, & Mohd Hasrol Haffiz, 2017:1) khasnya sebagai sumber asas kegiatan ekonomi seharian (Ahmad Nazri Abdullah, 1985: 13, & Iqbal, Nordin Hussin, & Ahmad Ali Seman, 2015: 95-119). Hal ini demikian kerana kebanyakan orang Melayu pada zaman dahulu menjalani kelangsungan hidup dengan bertani dan bercucuk tanam serta berternak. Malahan tanah digunakan sebagai ruang kediaman dan menjadi tempat berlindung untuk ahli keluarga. Sejarah

turut membuktikan bahawa penemuan tanah baharu telah membina kekuasaan dan pengukuhan ketamadunan dan sistem beraja orang Melayu. Sebagai contoh, Sejarah Melayu telah melaporkan bahawa kesultanan Melayu Melaka telah bermula menerusi penemuan wilayah baharu oleh Parameswara (Shellabear, 1896).

Melalui penemuan tanah baharu juga bermulanya orang Melayu membina kekuasaan sehingga wujudnya kerajaan beraja yang seterusnya mendirikan tamadun yang unggul seperti Kesultanan Melaka yang banyak melakar sejarah negara. Selain itu, kekayaan dan kekuasaan orang Melayu juga dinilai melalui aspek pemilikan tanah sejak dahulu sehingga kini. Hal ini menunjukkan hebatnya nilai tanah itu dalam sosiobudaya masyarakat Melayu. Kepentingan tanah kepada masyarakat Melayu sehingga kini menyebabkan segala hal ehwal tanah kekal di bawah kuasa negeri melalui Perlembagaan Persekutuan (Muhamad Fathi Yusof, 2017: 10). Tanah Simpanan Melayu dan tanah adat khusus untuk masyarakat Melayu juga turut diwujudkan demi memastikan orang-orang Melayu kekal bertanah (Mohd Hasrol Haffiz, 2017:5). Walau bagaimanapun, kerana nilainya yang tinggi, tanah juga mencetuskan pelbagai isu dan konflik yang membawa kepada polemik kepada kelangsungan bangsa Melayu.

Dalam dunia moden, persoalan mengenai tanah dan kepentingannya telah diterjemahkan menerusi pelbagai platform. Antaranya termasuklah menerusi penggunaan budaya popular seperti filem-filem popular Melayu. Filem adalah cerminan kepada ketamadunan bangsa, kebudayaan dan juga sebagai ejen perubahan kepada masyarakat. Kebanyakan negara maju seperti Jepun, China dan Perancis telah menghasilkan filem yang bermutu dengan hasrat untuk membangunkan masyarakat mereka melalui suntikan elemen pemikiran tinggi dan nilai budaya dalam karya-karya filem mereka. Adi Pranajaya (1993: 6-7) menyatakan bahawa setiap filem yang dihasilkan mempunyai fungsi tertentu kepada masyarakat kerana genre popular ini mampu menterjemahkan masyarakatnya dalam pelbagai aspek kehidupan sosial, ekonomi, politik, kepercayaan dan lain-lain melalui naratif, plot, perwatakan dan lain-lain. Oleh itu, nilai-nilai yang dibawa melalui filem bukan sahaja dilihat dalam konsep hiburan semata-

mata malah turut bertindak sebagai medium untuk menyampaikan idea dan kritikan dari segi sosial, sosiopolitik mahupun provokasi intelektual dalam usaha memberi pencerahan kepada umum. Dengan perkataan lain, filem seharusnya diangkat sebagai cerminan budaya sosial masyarakat serta ejen yang berpotensi untuk memartabatkan sistem sosial sesuatu bangsa mahupun agama dan warisan budaya.

Menurut Juliana dan Mahyuddin (2009: 45), industri filem Malaysia merupakan salah satu alat dominan yang popular di negara ini yang secara tidak langsung mampu menyebarkan nilai dan pandangan tertentu dalam masyarakat. Justeru, sebagai sebuah genre popular yang berpengaruh di Malaysia, filem boleh dijadikan sebagai alat penyampaian isu dan polemik negara kepada rakyat sebagai panduan dan rujukan. Dari sudut filem tempatan, bakat besar legenda seni tanah air seperti P. Ramlee sememangnya tidak dapat dipertikaikan. Ini kerana kebanyakan filem beliau banyak mengangkat isu mengenai budaya, warisan dan jati diri masyarakat. Secara ringkasnya, filem P. Ramlee seperti *Ibu Mertuaku* (1962), *Pendekar Bujang Lapok* (1959), dan *Penarik Becha* (1955) merupakan antara filem Melayu terawal yang sarat dengan kritikan sosiobudayanya. Filem-filem seperti *Sergeant Hassan* (1958) serta *Ali Baba dan 40 Penyamun* (1961) pula adalah antara filem pascaperang yang berjaya mewacanakan mesej tersirat kritikan sosiopolitik dengan begitu baik dan relevan untuk ditonton sehingga ke hari ini. Filem-filem ini telah menunjukkan kualiti dan kematangan dalam menerapkan proses lokalisasi dengan mengangkat isu-isu tempatan seperti politik masyarakat Melayu Nusantara yang dihimpit kemunduran ekonomi, pendidikan dan jurang sosial

Dalam pada itu, Badrul Redzuan Abu Hassan dan Faridah Ibrahim (2011) menyatakan bahawa Rahim Razali juga dilihat sebagai antara salah seorang figura cendekiawan seni kontemporari tempatan yang menggunakan latar ideologi pembangunan negara khususnya kepada Melayu dan mengangkat realisme sosiobudaya dan politik bangsa sebagai tema filem-filemnya. Karya-karya beliau seperti *Abang*, *Matinya Seorang Patriot*, *Puteri*, dan *Anak Sarawak* misalnya dilihat sebagai usaha mengeksplorasi sosiobudaya Melayu yang sering berubah mengikut rentak hubungan kekuasaan politik lokal dan arus permodenan

globalisasi. Pembentukan identiti Konsep Melayu Baru melalui Dasar Ekonomi Baru (1970) dan Dasar Pensyarikatan Malaysia (1981) oleh Perdana Menteri Malaysia ke-4, Dr. Mahathir Mohamad menjadi tema naratif filem-filem beliau, selain menekankan isu pencarian jati diri, falsafah kehidupan dan kekeluargaan, hipokrasi dan perbezaan dan keberagaman adat yang menyingkapi ruang lingkup masyarakat majmuk Malaysia pasca kemerdekaan (Badrul Redzuan & Faridah, 2011). Selain isu berkenaan, tanah juga adalah isu penting bagi masyarakat Melayu yang telah diangkat oleh Rahim Razali dalam filem-filem beliau. Filem seperti *Abang*, *Puteri* dan *Anak Sarawak* adalah antara filem Rahim Razali yang membicarakan isu tanah dalam masyarakat Melayu. Analisis kualitatif dalam kajian ini cuba memperlihatkan bahawa isu tanah dalam filem-filem Rahim Razali masih kurang diketengahkan dan dikaji, walaupun tanah adalah isu popular yang sering diperdebatkan dan begitu dekat dengan masyarakat Melayu.

Teori Sosiologi Sastera dan Kaedah Kajian

Berdasarkan filem terpilih arahan Rahim Razali – *Abang*, *Puteri* dan *Anak Sarawak* – yang memaparkan kisah realiti masyarakat Melayu, kajian ini menggunakan pendekatan sosiologi sastera yang dicerakinkan dengan analisis kandungan kualitatif (Hsieh dan Shannon, 2005) bagi menterjemahkan persoalan dan isu khususnya mengenai isu pemilikan tanah pada dekad 1980-an. Dari segi teori, pendekatan sosiologi sastera dilihat sebagai kaedah paling sesuai untuk menterjemahkan persoalan dan isu sosial, politik dan ekonomi masyarakat yang dipaparkan dalam filem-filem ini. Maklumat-maklumat mengenai isu sosial, politik dan ekonomi ini berupaya memberi penjelasan mengenai kehidupan manusia yang pelbagai dan dinamik, yang lazimnya dijadikan inspirasi dalam karya-karya seni seperti filem. Beberapa pandangan tokoh sarjana seperti Taine (1900), Swingewood (1972) dan Goldman (1980) digunakan untuk menganalisis hubungan masyarakat dengan filem yang dikaji, atas prinsip bahawa sastera (filem) itu adalah sebagai cermin kepada nilai budaya bangsa. Menurut Taine (1900), pengetahuan mengenai fakta tentang sesuatu zaman, ras dan juga milieu, mampu memberi kefahaman mengenai lingkungan budaya yang melahirkan seseorang pengarang beserta karyanya.

Faktor-faktor seperti lingkungan masyarakat serta keluarga yang mencorakkan pemikiran pengarang, situasi sosio-politik, isu ekonomi, budaya, keadaan alam, suasana dan faktor sosial ini yang memberi inspirasi kepada pengarang untuk dijadikan karya seni yang selari dengan peristiwa kontekstualnya. Swingewood (1972) mengemukakan pendekatan bahawa karya sastera dapat dilihat sebagai dokumen sosiobudaya sesuatu masyarakat pada suatu masa tertentu. Beliau berpandangan karya sastera yang terhasil mengikut zaman yang tertentu adalah 'cerminan sosial' kerana merekodkan pengaruh, kecenderungan dan keperluan masyarakat. Pada masa yang sama, Goldman (1980) pula membawa gagasan 'Strukturalisme Genetik' (Structuralism Genetics) yang bersandarkan gambaran realiti sosial dan harus bersifat historis (sejarah). Strukturalisme genetik ini dibina atas dasar pandangan beliau yang percaya bahawa karya sastera adalah sebuah struktur yang terhasil daripada proses sejarah yang berlaku manakala genetik menyentuh soal asal-usul, sebab akibat dan penentuan.

Umar Junus (1986) menyatakan bahawa konsep sosiologi sastera lebih bersifat pemerhatian terhadap karya-karya sastera yang tertentu yang turut menjadi suatu dokumen atau rakaman terhadap segala aspek sosiobudaya. Dokumen dan rakaman yang berbentuk sastera ini pada masa yang sama menjadi suatu gambaran atau cerminan kepada satu-satu zaman. Dalam pada itu, Ungku Maimunah (2006) menerusi kajiannya terhadap sosiologi sastera dalam sastera Melayu moden menegaskan bahawa konsep ini mempunyai kepelbagaian dari segi fahaman dan penerapannya. Namun apa yang paling penting, konsep sosiologi sastera mempunyai peranan dan proses penyerlahan masyarakat yang digambarkan dalam karya kreatif yang tertentu. Meskipun disiplin sosiologi dan sastera mempunyai peranan yang sedikit berbeza dari segi pendekatan dan kekuatannya (Embong, 1997), sastera sebagai suatu ilmu mempunyai peranan lebih kurang serupa dari segi tafsiran dan pandangan (Asmiaty Amat, 2011). Justeru, kajian ini akan menggunakan pendekatan sosiologi sastera dalam meneliti filem terpilih Rahim Razali – Abang, Puteri dan Anak Sarawak – yang akan menyingkap tentang budaya masyarakat Melayu. Filem-filem ini juga akan dianalisis berdasarkan tema yang ditulis secara umum dan

meliputi beberapa aspek – cerminan masyarakat, budaya dan sejarah yang merakam isu masyarakat dan zamannya. Hal ini juga diharap dapat membuktikan adanya hubungan langsung antara filem dengan zaman, ras dan milieunya iaitu pengarang adalah sebagai wakil masyarakat, yang mencatat, menulis dan menginterpretasikan melalui filem-filemnya.

Dapatan dan Perbincangan

a. Abang (1981)

Filem Abang yang mengangkat tema perubahan sosioekonomi dan sosial orang Melayu, juga mengengahkan isu sindiket penjualan tanah secara haram. Isu penjualan tanah ini adalah polemik yang berpanjangan sejak dahulu sehingga kini. Bermula sejak zaman British, masyarakat Melayu yang rata-ratanya miskin ketika itu kerap menjual tanah milik mereka dan perkara ini berlarutan kepada zaman yang seterusnya atas dorongan faktor seperti untuk mendapatkan wang dengan cepat dan mudah. Menurut Ahmad Nazri Abdullah (1985:185-187) antara faktor yang menyebabkan orang Melayu kehilangan tanah semenjak dahulu: (1) mendapat arahan menjual tanah atau lelong disebabkan tidak membayar cukai tanah dan (2) kerana mendapat arahan menjual tanah atas faktor gagal membayar hutang melalui cagaran. Kebanyakan hutang pada zaman tersebut dibuat melalui ceti dan hanya sejumlah kecil dibuat dengan pihak lain. Pada tahun 1934 sahaja hutang dengan ceti ini pernah menjangkau sebanyak \$4 juta dan dianggarkan sebanyak \$2.5 juta hutang orang Melayu dibuat melalui penjualan tanah pusaka (Ahmad Nazri Abdullah, 1985: 188).

Amalan berhutang ini kebiasaannya dilakukan oleh para petani Melayu ketika itu yang gagal mengusahakan tanah mereka dengan baik dan akhirnya mengakibatkan mereka kehilangan tanah. Selain faktor kegagalan membayar cukai tanah dan hutang cagaran oleh petani-petani Melayu luar bandar, orang-orang Melayu yang tinggal di bandar mahupun di pinggir bandar ketika itu juga turut kehilangan hak milik tanah apabila tanah tersebut dijual kepada broker tanah yang membelinya dengan harga yang tinggi (Ahmad Nazri Abdullah, 1985:188). Mereka kebanyakannya tidak berfikiran jauh dan tidak ada sebarang keperluan

dan kepentingan menjaga kekayaan tanah sebagai warisan kepada generasi yang seterusnya. Kegiatan ini juga membuktikan orang Melayu pada zaman itu tidak mengambil kira kepentingan memelihara hak milik tanah tersebut malah sebaliknya menganggap tanah adalah sebagai bahan perniagaan untuk mendapatkan wang dengan cepat (Ahmad Nazri Abdullah, 1985: 190-191).

Syed Sheikh Al-hadi pada seawal abad ke-20 sudah mula meniupkan kesedaran akan kepentingan tanah bagi orang Melayu melalui penulisannya. Menurut beliau, masalah kehilangan hak milik tanah orang Melayu pada ketika itu tidaklah meruncing, namun kebimbangan atas kehilangan kampung halaman orang Melayu sudah mula dirasai (Ahmad Nazri Abdullah, 1985:193). Kekhuatiran ini terbukti benar kerana isu penjualan tanah Melayu ini dilihat relevan sehingga kini dan semakin menjadi barah dalam senyap. Dalam pada itu, tokoh Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia (IAAM) Zahara Ismail antara lain menegaskan bahawa sehingga ke hari ini baki tanah rizab Melayu dilaporkan semakin susut jumlahnya iaitu sebanyak 50 peratus dari 12 juta hektar dan kini hanya berbaki 4 juta hektar sahaja. Fenomena yang merugikan ini berlaku kerana banyak tanah milik Melayu dijual kepada bangsa asing terutamanya atas faktor pembangunan (Zaharah Sulaiman, 2018).

Mengikut sejarah, masalah penjualan tanah ini juga bukan sahaja berlaku kepada golongan rakyat sahaja malah turut berlaku kepada raja yang turut menjual jajahan takluknya. Sejarah telah merekodkan kerajaan Melayu kehilangan hak tanahnya apabila Pulau Pinang, Seberang Prai dan Singapura dijual kepada British. Cerita yang kekal dalam lipatan sejarah ini menjadi antara penyebab negara Singapura menjadi tanah asing kepada bumi Melayu itu sendiri (Tun Mahathir, 2014). Sudah tentunya aktiviti ini amatlah merugikan kerana tanah yang memberi signifikansi besar terutamanya kepada orang Melayu akhirnya akan dimiliki dan diduduki oleh orang asing. Walaupun isu ini sudah lama berlaku namun amalan tabiat menjual tanah ini tetap kekal sehingga kini. Isu dan polemik tanah ini turut mendapat perhatian Rahim Razali untuk diutarakan melalui filem-filem beliau sekitar tahun 80-an. Dalam wawancara bersama Rahim Razali, beliau mengkritik perbuatan segolongan Melayu yang masih ghairah untuk menjualkan hak tanah mereka kepada orang asing. Malah,

keghairahan orang Melayu untuk menjual tanah ini turut menarik minat jiran terdekat Malaysia, iaitu Singapura untuk mula membeli tanah-tanah di sini. Menurut beliau, sekiranya amalan penjualan tanah kepada pihak luar ini dibiarkan berterusan maka akhirnya bangsa Melayu akan kehilangan tanah di bumi sendiri (Rahim Razali, 2016). Sebagai individu yang berpendidikan tinggi dan dibesarkan dalam latar belakang keluarga pejuang nasionalis kemerdekaan, masalah kedaulatan tanah dan hak Melayu sememangnya antara isu Melayu yang diperjuangkan oleh Rahim dalam filem-filemnya.

Pandangan Rahim Razali ini sealiran dengan pendapat kelompok penulis era sebelum kemerdekaan – antaranya dalam majalah Majlis bertajuk “Pengaruh Bangsa Malayan Terhadap Melayu” yang menyatakan penjualan tanah kepada orang bukan Melayu sememangnya dipandang berat oleh golongan Melayu yang berpendidikan. Menurut artikel ini, penjualan tanah tersebut akan memalukan orang Melayu sendiri kerana hak dan kewatanan sesuatu bangsa itu terletak kepada tanah. Oleh yang demikian apabila tanah tersebut sudah dijual, hak dan kewatanan juga akan turut hilang. Majalah Guru seawal tahun 1920-an sudah mula meniupkan kesedaran melalui bahan penulisan yang berkisarkan kepentingan pemeliharaan hak tanah orang Melayu. Pada 1929, sebuah artikel yang bertajuk “Tanah Air Kita”, ditulis yang mengecam penjualan tanah ini kepada warga asing. Kecaman dan kebimbangan terhadap perbuatan tersebut dapat dilihat dalam petikan berikut:

Kita bersombong-sombong dan mengaku yang negeri dan Semenanjung ini tanahair kita, negeri Melayu. Tetapi setiap hari beratus-ratus Penghulu dan Pegawai Melayu yang menjualkannya kepada bangsa asing. Jikalau bangsa asing seperti yang diperbuatnya sekarang ini, tidaklah syak lagi yang negeri ini lambat launnya akan habis terjual kepada bangsa yang bukan bangsa Melayu.

(Anak Negeri (1929) dalam Ahmad Nazri (1985): 197)

Bagi Rahim Razali, isu tanah ini dikira begitu relevan dengan masyarakat Melayu sehingga turut diselitkan oleh beliau dalam filem pertamanya iaitu *Abang* sebagai nasihat beliau kepada orang Melayu untuk menjaga kepentingan hak tanah mereka. Filem ini mengisahkan bagaimana Fuad Din yang mengetahui kegiatan adiknya Farid Din yang cenderung untuk menjual hak tanah milik syarikat kepada sindiket haram. Proses penjualan tanah tersebut dilakukan tanpa pengetahuan ahli lembaga pengarah Din Enterprise dan dijalankan secara tidak telus tanpa mengikut undang-undang yang sah. Dalam hal ini, penjualan tanah tersebut dijalankan atas dasar mengaut keuntungan semata-mata kerana Farid Din selaku orang tengah akan mendapat komisen atas penjualan tersebut dengan kadar segera. Bagaimanapun, abangnya, Fuad berpandangan bahawa tanah tersebut wajar dipertahankan dan pendapat itu kemudiannya turut dipersetujui oleh ayahnya, Dato' Din.



Imej 1: Fuad Din dan Dato' Din meninjau tanah yang telah dijual oleh adiknya Farid Din kepada ejen bersindiket.

Imej 1 memaparkan adegan Farid dan ayahnya yang berada di atas tanah milik syarikat yang telah dijual oleh Farid tanpa pengetahuan syarikat. Dalam adegan ini, pemandangan alam yang indah telah dipaparkan dengan kehijauan pokok-pokok serta air sungai yang amat dekat dengan citra masyarakat Melayu. Rahim Razali juga menyelitkan adegan Fuad

yang duduk di tepi sungai sambil menghayati permandangan indah dan bermain air di anak sungai tersebut sementara menunggu kedatangan Dato' Din.

Cantik! Cantik sekali bumi ini. Sayang kalau digali, kalau dimusnahkan ciptaan tuhan.

(Dato' Din, Abang, 1981)

Kata-kata Dato' Din ini secara tidak langsung menggambarkan kecintaannya kepada tanah dan alam semula jadi. Dialog itu juga menjelaskan pendirian Dato' Din yang merasakan bahawa adalah satu kerugian untuk mereka sekiranya tanah yang indah itu dirosakkan atas tiket untuk mendapatkan keuntungan semata-mata. Dalam wawancara pengkaji bersama Rahim Razali, beliau turut menyatakan kecintaannya kepada suasana alam, kedesaan, tanah, pokok-pokok dan sungai. Maka tidak menghairankan sekiranya dialog ini sengaja diwujudkan sebagai mewakili rasa hati Rahim Razali yang sering merasa dekat dengan alam. Malah keresahan Dato' Din dan Fuad Din dalam isu penjualan tanah ini juga merupakan refleksi kepada kebimbangan Rahim Razali sendiri yang turut terkesan apabila melihat banyak tanah yang semakin menghilang akibat pembangunan, modenisasi dan faktor perniagaan (Rahim Razali, 2016). Pandangan Rahim Razali ini diluahkan melalui ungkapan Fuad yang menasihati ayahnya untuk tidak meneruskan penjualan tanah tersebut.

Mungkin di bawahnya ada ciptaan yang lebih cantik ayah, lebih bagus untuk manusia. Ayah semak dululah laporan saya 'tu. Kemudian baru buat keputusan. Tapi buat masa sekarang 'ni pada hemat saya jangan jual.

(Fuad Din, Abang, 1981)

Kata-kata Fuad ini juga adalah nasihat Rahim Razali yang merasakan kegiatan sindiket penjualan tanah ini sesuatu yang amat merugikan terutamanya kepada orang Melayu. Pandangan Fuad ini kemudiannya disambut dengan sentimen yang sama oleh ayahnya yang turut enggan menjual tanah tersebut.

- Dato' Din : Fuad, sebenarnya ayah tak berniat nak menjual
- Fuad : Farid dah terima komisen untuk menjual tanah ini ayah
- Dato' Din : Apa? Farid dah... Habis! Dah habis! Dah habis sabar ayah dengan budak tu. Kali ni dia dah terlalu dah terlalu melampau budak tu!
- Fuad : Tak apalah ayah, serah sahajalah pada saya. Daiman kenal orang tengah tu, kami akan berbincang nanti.
- (Abang, 1981)

Plot penceritaan ini seterusnya dilanjutkan dengan perjumpaan Fuad dan Daiman dengan Johan, iaitu orang tengah kepada sindiket jual beli tanah tersebut untuk membincangkan hal pembatalan penjualan tanah. Dalam babak itu juga, Fuad kelihatan menulis sekeping cek dan kemudian menyerahkan cek tersebut kepada Johan.

- Johan : Generous! Very generous! Untuk apa ni? (ketawa) derma bagi Rumah Orang Pekak dan Bisu ya?
- Fuad : (Senyum) itulah banyaknya yang telah saudara berikan kepada Farid Din adik saya sebagai insentif untuk mendapatkan tanah Din Entreprises. Tanah itu tidak akan dijual jadi wang saudara itu di kembalikan semula.
- Johan : (ketawa) Tak semudah itu orang kaya, Saya beri wang pada Farid secara ikhlas. Saya tak boleh ambil wang itu. Buruk siku!(ketawa) Adik saudara yang juga pengarah syarikat saudara dah kata sepakat dengan saya dah buat janji akan menjual tanah kepada orang-orang yang

- saya wakili. Itu kata penutup dari saya. Ambil cek ini dan get lost!
- Fuad : Kebetulan saya kenal sindiket yang saudara wakili itu dan saya pun telah berhubung dengan mereka. Dahsyat apa yang saudara telah lakukan ini. Membuat kertas palsu, resolusi palsu bukan sahaja satu perkara menipu. Saudara itu adalah ‘Criminal’!
- Johan : Awak tahu apa awak dah buat ni? Kalau saya didakwa, nama adik awak, nama syarikat awak akan saya tarik bersama tahu!
- Daiman : Saudara Johan, Encik Fuad dan isterinya Cik Nazreen tahu banyaksangat kisah saudara Johan. Saya rasa kalau saudara Johan libatkan jugak Encik Farid dalam kisah tanah ini maka Encik Farid dan isterinya Cik Nazreen got nothing to lose lah. Semua tipu helah dan putar belit saudara Johan masa dulu, masa sekarang dan masa depan boleh dibongkar mereka. Apa macam saudara Johan? Nak duit saudara balik ke atau nak Encik Farid berkokok dalam mahkamah.
- Fuad : Saya kira eloklah saudara ambil sahaja duit saudara ni balik. Ini duit haram. Lagipun saudara perlukan setiap sen yang dapat untuk membayar balik wang pada sindiket tu kan. Sebenarnya saudara Johan, saudara tidak ada bukti apa-apa untuk membawa adik saya ke mahkamah. No proof! Nothing! Tapi bukti yang mengatakan saudara menipu helah, memutar belit banyak! Dan banyak

pula orang dah tahu jadi bila banyak orang dah tahu saudara sendiri tahulah akibatnya bukan.

(Abang, 1981)



Imej 2: Imej menunjukkan Fuad Din meletakkan cek di atas meja Johan yang bertindak sebagai orang tengah dalam sindiket penjualan tanah yang dibuat oleh adiknya Farid Din itu.

Imej dan dialog dalam Imej 2 adalah adegan yang memaparkan Fuad mengembalikan semula sejumlah wang kepada Johan dengan cek sebagai tanda pembatalan urusan penjualan tanah yang telah dibuat oleh adiknya Farid. Johan pula dilihat menyambut tindakan Fuad tersebut dengan nada sinis dan berbaur apabila beliau mengaitkan cek tersebut sebagai derma untuk Rumah Orang Pekak dan Bisu. Konotasi Rumah Orang Pekak dan Bisu juga adalah simbolik kepada golongan yang tidak dapat membezakan kebaikan dan keburukan. Malah pernyataan itu juga membawa maksud kepada kelompok dalam masyarakat yang lumpuh kerana menjadi pekak dan bisu walaupun mempunyai telinga dan lidah selagi mana mereka tidak mengambil faedah daripada pancaindera tersebut dan melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai anggota masyarakat untuk membetulkan perkara yang ternyata salah. Wang yang dikatakan derma itu juga akan hanya berakhir sia-sia kerana kegiatan

salah tetap menular oleh kerana masyarakat sudah tidak peduli dengan kejatuhan bangsa mereka. Kesinisan dan keangkuhan Johan dijawab Fuad dengan tegas apabila Fuad membuka segala kegiatan Johan yang menyalahi undang-undang dan menyifatkan semua kegiatan tersebut adalah sebagai jenayah. Fuad dan Daiman kemudiannya meninggalkan cek tersebut kepada Johan sebelum berlalu pergi selepas menyatakan dengan tegas bahawa segala urusan niaga yang dijalankan atas urusan sindiket penjualan tanah ini sebagai 'duit haram'. Pernyataan 'duit haram' ini juga merupakan kemuncak penghinaan kepada kegiatan salah yang mereka lakukan itu terutamanya kerana perbuatan tidak bertanggungjawab itu boleh mengakibatkan kejatuhan sesebuah bangsa yang berdaulat. Fuad dan Daiman akhirnya melangkah keluar dari bilik Johan dengan bermaruah dan perbuatan tersebut adalah contoh kepada Melayu yang hidup secara berintegriti dan tidak memilih untuk memperdagangkan hak Melayu demi kesenangan duniawi dan material semata-mata.

Melalui teori sosiologi sastera, dapat disimpulkan bahawa keterlibatan kehidupan sosial dan juga etika masyarakat Melayu (ras) mengikut pandangan Taine (dlm Launson & Swingewood, 1972:33) khasnya dalam hal pemilikan dan penjualan tanah telah lama menjadi perdebatan dan isu penting apabila membicarakan mengenai hak orang Melayu. Sejarah menceritakan isu penjualan tanah yang berlaku sejak zaman berzaman bukan sahaja melibatkan rakyat kebanyakan sahaja malah turut mengundang keluarga bangsawan seperti raja dan juga ketua-ketua negeri yang turut sama melepaskan pegangan tanah mereka kepada orang luar untuk kesenangan material. Sejarah turut merekodkan seruan dari akhbar dan majalah yang menjadi lidah rasmi para pejuang nasionalis dan ahli akademik pra-kemerdekaan yang mengingatkan masyarakat mengenai isu tanah ini yang mungkin akan menjadi barah suatu hari nanti. Penerapan teori sosiologi sastera dalam filem ini juga dapat dilihat melalui dialog yang dilontarkan oleh Fuad dalam menangani isu penjualan tanah milik syarikat yang dijual kepada sindiket haram itu.

Dialog yang dianalisis dari filem berkenaan adalah refleksi daripada kebimbangan Rahim mengenai isu penjualan tanah secara haram

yang masih berleluasa ketika itu, selain sebagai tanda kecintaan beliau kepada alam, tanah dan tanahair. Beliau yang menghabiskan zaman kanak-kanak dalam suasana desa di Perak menjadikan dirinya seorang yang dekat dengan alam. Menurut Rahim lagi, zaman persekolahan beliau ketika pada era penjajahan Inggeris juga telah mencetuskan semangat perjuangan untuk bangkit memperjuangkan hak bangsa Melayu. Malah lingkungan keluarga beliau yang turut terdiri dari pejuang nasionalis kemerdekaan seperti Ahmad Boestamam (bapa saudara) turut mempengaruhi dirinya. Maka tidak hairanlah dalam filem ini dapat dilihat beliau telah meletakkan jiwa dan fikirannya ketika membicarakan soal tanah ini atas dorongan-dorongan yang wujud dalam persekitaran hidup beliau dahulu. Seperti kata-kata beliau dalam wawancara bersamanya "itulah Rahim dalam jiwa Fuad" (2016)

b. Puteri (1988)

Isu tanah diangkat lagi dalam filem Puteri (1988), apabila tanah menjadi asas naratif dalam filem tersebut. Rahim Razali telah memaparkan kisah orang Melayu yang menjadi tamak dan memperdagangkan hak Melayu dengan menjual tanah secara sindiket dalam filem Abang. Dalam filem Puteri pula, Rahim mewakili golongan Melayu yang mempertahankan dan memperjuangkan tanah dengan segala kudrat yang ada walaupun menghadapi pelbagai konflik dan cabaran. Dalam filem itu, Rahim Razali mengangkat soal kepentingan dan tanggungjawab pengurusan tanah pusaka. Puteri sebagai watak utama untuk filem ini adalah seorang wanita berketurunan raja daripada sebelah ibunya yang telah diwariskan oleh bapanya sebidang tanah yang luas. Tanah yang diwarisinya itu juga datang dengan amanah bapanya yang mahu tanah tersebut dijaga dan diusahakan sebaik mungkin. Puteri dalam filem ini digambarkan sebagai seorang wanita yang berhati waja kerana berhadapan dengan pelbagai masalah berkaitan dengan tanah tersebut. Sebagai anak tunggal, Puteri menggalas tanggungjawab yang berat untuk mengusahakan dan mengelolakan tanah seorang diri malah seringkali kecewa kerana ditipu oleh janji kosong untuk membantunya membangunkan tanah tersebut. Keadaan yang berulang kali berlaku sebegitu menyebabkan Puteri bersikap skeptikal kepada Iskandar, Muda dan Lela yang menawarkan

bantuan untuk membangunkan tanah tersebut. Perasaan skeptikal dan berjaga-jaga yang ditunjukkan oleh Puteri ini juga adalah atas nasihat Ungku Zubaidah iaitu bonda Puteri yang mengingatkan dirinya supaya bersedia dengan kemungkinan untuk melihat tanah yang diharap untuk dibangunkan tersebut, mungkin akan terabai sekali lagi kerana janji yang tidak dikotakan oleh tiga pemuda baharu itu.

Bonda: *Puteri jangan berharap ya pasal orang yang nak menjaga tanah 'tu... Takut jadi macam yang lain-lain tu juga. Tak sampai sebulan semua cabut! Semua tinggal terbengkalai!*

(Ungku Zubaidah, Puteri, 1988)

Puteri juga memberitahu kepada Iskandar tentang keraguannya atas kedatangan bantuan dari Iskandar, Muda dan Lela untuk mengerjakan tanahnya. Hamburan rasa yang pesimis berbaur kekecewaan terangkum dalam butiran dialog berikut:

Saya tak mahu peristiwa lama berulang kembali Abang Iskandar! Ramai orang yang mengaku mahu mengerjakannya tapi sebulan kemudian ditinggalkan-tinggalkannya! Saya tak mahu kecewa lagi!

(Puteri, Puteri, 1988)



Imej 3: Tanah pusaka milik Puteri mula diusahakan dengan bantuan dari Iskandar, Lela dan Muda

Kekhawatiran Puteri akhirnya hilang apabila melihat kesungguhan Iskandar, Lela dan Muda. Apatah lagi ketiga-tiga pemuda ini turut mempunyai ijazah dalam bidang pertanian serta mempunyai pengalaman yang luas kerana hidup merantau sehingga ke Thailand, Burma dan seluruh Indonesia. Kesungguhan Iskandar, Muda dan Lela membuatkan Puteri mengubah pandangan dan persepsi terhadap mereka dan akhirnya Puteri bersetuju untuk memberi keizinan kepada mereka untuk membangunkan tanahnya seperti kata-kata Puteri kepada Iskandar dalam dialog berikut:

Abang Iskandar percantikkanlah semula tanah ladang yang Puteri sayangi ini, Jadikanlah dia seperti di dalam jagaan arwah ayah Puteri dahulu. Tolonglah.
(Puteri, Puteri, 1988)

Kesungguhan Puteri menjaga amanat ayahnya untuk membangunkan tanah warisan keluarganya adalah suatu tindakan yang wajar diberi penghormatan. Kejituan semangat puteri Melayu untuk menjaga hak tanahnya dalam dunia moden kapitalis yang berlandaskan material ini adalah simbol kepada kekuatan dan semangat Melayu yang masih ada demi mempertahankan tanah dan kelangsungan hak orang-orang Melayu pada zaman yang penuh cabaran ini. Penerapan teori sosiologi sastera dapat dilihat melalui watak Puteri sebagai wanita yang memperjuangkan tanah yang diwarisinya kerana watak Puteri ini adalah refleksi kepada perubahan yang berlaku dalam struktur masyarakat Melayu ketika itu, Hal ini seiring dengan pandangan Swingewood (1972:43) yang menyatakan bahawa karya sastera adalah refleksi masyarakatnya sendiri. Selepas tertubuhnya Dasar Ekonomi Baru (DEB), peranan wanita yang dahulunya terhad kepada alam rumahtangga dilihat berubah dengan meningkatnya penyertaan wanita dalam tenaga kerja dan kepimpinan selain melahirkan ramai golongan bijak pandai wanita dalam bidang yang meliputi ekonomi, politik dan sosial.

Peranan wanita ketika zaman itu sudah mampu memberi impak

kepada masyarakat seperti yang ditunjukkan dalam perjuangan Puteri mempertahankan tanah pusakanya. Apatah lagi, pemilihan watak utama bernama Puteri yang berdarah bangsawan yang berani dan berjuang mempertahankan tanah pusakanya dalam dunia yang dipelopori kaum patriakal ini seumpama memberi cerminan kepada para serikandi Melayu yang pernah wujud dalam lipatan sejarah Melayu dahulu seperti Tun Fatimah, Puteri Saadong, Cik Siti Wan Kembang dan Laksaman Keumalahayati (sekadar menyebut beberapa nama) yang berani dan tersohor dengan sejarah kepimpinan mereka memperjuangkan tanah dan negeri yg tercinta. Melalui isu tanah ini, Rahim Razali berjaya mengaplikasikan kaedah sosiologi sastera dengan baik apabila watak Puteri ini berjaya memberi cerminan kepada masyarakat kontemporari dan juga silam. Dalam filem Puteri ini, Rahim Razali turut menyelitkan isu adat dan sosiobudaya Melayu serta kepercayaan mengenai unsur alam semasa proses membangunkan tanah milik Puteri tersebut. Beberapa adegan mistik yang berlaku semasa tanah tersebut diteroka seperti rembang merah, sampuk (histeria), dunia bunian serta pelaksanaan ritual untuk berhubung dengan alam diselitkan oleh Rahim Razali sebagai pemaparan adat dan kepercayaan Melayu yang sememangnya mempunyai hubungan rapat dengan tanah dan alam semula jadi.

c. Anak Sarawak (1989)

Dalam filem Anak Sarawak (1989) pula, isu pemilikan dan hak tanah Melayu dan kaum peribumi di Sarawak serta Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADP) atau lebih dikenali sebagai rancangan pertanian yang dilaksanakan secara pemusatan dan bersistem juga menjadi salah satu isu dan polemik masyarakat yang dibangkitkan dalam filem itu. Projek IADP yang dirancang untuk dilaksanakan di daerah Laka oleh kerajaan negeri Sarawak dalam filem ini merujuk kepada rancangan pembangunan kerajaan Malaysia yang secara dasarnya bertujuan untuk membangunkan kawasan-kawasan pertanian yang mundur serta berpotensi untuk dimajukan. Selain untuk meningkatkan tahap pengeluaran pertanian, projek yang dilaksanakan pada tahun 1960-an ini juga bertujuan meningkatkan pendapatan para petani (Khairool Anuar, 2014:133). Mengikut Laporan Kemajuan Tahunan Projek-Projek

Pertanian Bersepadu tahun 1991, pelaksanaan IADP adalah seperti berikut:

Konsep pembangunan pertanian bersepadu telah diperkenalkan pada awal tahun 1960an bagi memenuhi keperluan pembangunan lebih pesat di kawasan-kawasan mundur yang mempunyai potensi untuk dibangunkan melalui satu mekanisme yang bersepadu dan berselaras dikalangan jabatan-jabatan dan ejensi dalam menyediakan perkhidmatan sokongan perkhidmatan yang wajar dan input-input ladang.

(Nik Hashim, 1996:1)

Rekod mencatatkan terdapat lima belas (15) buah projek IADP yang telah dilaksanakan di seluruh negara yang dilakukan secara berperingkat iaitu Barat Laut Selangor, Besut, Johor Barat, Kalaka-Saribas, Kemasin Semarak, Kerian/Sg Manik, Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Lembah Kedah, Melaka, Negeri Sembilan Timur, Pahang Barat, Perlis, Pulau Pinang dan Sungai Samarahan (Nik Hashim, 1996:1). Mengikut rekod ini, terdapat dua daerah di Sarawak yang melaksanakan sistem pertanian secara bersepadu ini iaitu daerah Kalaka-Saribas dan juga Samarahan. Rekod ini selari dengan maklumat daripada Portal Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia yang turut mencatatkan bahawa IADP Kalaka-Saribas-Betong merupakan salah satu daripada dua projek pembangunan pertanian bersepadu yang dilaksanakan pada Jun 1986 di Negeri Sarawak. Menurut bancian yang dijalankan pada 1991, dijangka 9,600 keluarga tani akan mendapat faedah daripada pelaksanaan projek pertanian tersebut (Portal Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia: 1). Secara umumnya, rekod tersebut memberi refleksi kepada filem Anak Sarawak yang turut menceritakan pelaksanaan dan cabaran projek IADP yang dirancang oleh kerajaan negeri untuk daerah Laka demi pembangunan anak watan. Tanggungjawab Azam yang memegang jawatan sebagai Pegawai Daerah atau District Officer (D.O) baharu daerah Laka, dengan Ketua Setiausaha Negeri Sarawak di Pejabat Ketua Setiausaha Negeri Sarawak untuk meneruskan projek IADP telah

dizahirkan dalam kutipan dialog berikut:

Dato' : Jadi D.O tak ragu-ragu untuk bertugas di Laka ya?

Azam : Saya bersedia Dato'".

Dato' : D.O akan menghadapi bermacam masalah di sana nanti. Banyak projek tak bergerak. Termasuk projek IADP. D.O tahu kenapa?

Azam : Saya dengar sebab utamanya ialah politik Dato'.

Dato' : Politik tempatan. Lebih tepat seorang politikus. Tahu siapa yang dimaksudkan?

Azam : Haji Pawi?

Dato' : Baguslah D.O dah buat homework terlebih dahulu nampaknya. Ya, Haji Pawi. Nasionalis pejuang kemerdekaan, pemimpin parti di Laka dan bapa saudara D.O bukan?

Azam : Wa saya tapi tidak lagi mengaku kami sebahagian keluarganya

Dato' : Sudah lama begitu dengarnya. Sungguh malang! Jadi ada dua tugas penting yang menanti D.O di Laka nanti. "Suruh dia kills two birds with one stone!" Kata C.M. Satu, segerakan semua projek pembangunan kita di Laka dan dua pulihkan semula perhubungan antara Wa nya Haji Pawi dan ayahnya Haji Wasli. Ya Azam, arahan ini datangnya dari Yang Amat Berhormat sendiri, Datuk Patinggi tidak mahu lagi dua pejuang keramat kita itu bermusuhan terus.

(Anak Sarawak, 1989)

Dalam dialog berkenaan, Azam telah diperingatkan mengenai beberapa projek yang tergendala di daerah tersebut terutamanya berkaitan dengan IADP. Malah keprihatinan kerajaan negeri mengenai pembangunan bumi dan anak negeri mendorong Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak

menyampaikan amanat beliau melalui setiausahanya supaya D.O baru daerah Laka itu dapat menyegerakan segala projek pembangunan yang telah lama tertangguh. Ungkapan kata Ketua Setiausaha Negeri Sarawak kepada Azam mengenai cabaran untuk beliau dalam meneruskan projek IADP bagi daerah Laka boleh difahami dalam petikan berikut:

D.O akan menghadapi bermacam masalah di sana nanti. Banyak projek tak bergerak. Termasuk projek IADP. D.O tahu kenapa?

(Setiausaha Negeri Sarawak,
Anak Sarawak, 1989)

Persoalan mengenai penangguhan banyak projek yang dirancang termasuk yang berkaitan IADP di kawasan Laka ini kemudiannya terjawab setelah Azam mula menjalankan tugasnya sebagai D.O di daerah tersebut. Melalui perbincangan Azam bersama pembantunya Encik Suhai dan Inspektor Minus di Pejabat Daerah Laka, beliau mendapat tahu bahawa isu tanah merupakan permasalahan terbesar di daerah tersebut serta menjadi faktor penyebab tergendalanya banyak projek pembangunan yang telah dirancang oleh Kerajaan Negeri terutamanya projek pertanian secara bersepadu yang melibatkan masyarakat peribumi di situ. Menurut Suhai tanah sememangnya merupakan perkara yang sensitif bagi penduduk peribumi Sarawak terutama apabila terdapatnya salah tanggapan oleh masyarakat setempat di situ bahawa projek IADP bakal menidakkan hak mereka sebagai tuan tanah. Memetik isi perbincangan antara Azam yang bertindak sebagai D.O dan Encik Suhai serta Inspektor Minus mengenai stigma masyarakat tentang isu dan hak tanah mereka:

Insp. Minus: Hakikatnya tuan selagi sungai tu merupakan saluran perhubungan terpenting di daerah Laka ini, akan tetap ada yang menjadi mangsa buaya. Kita perlukan lebih banyak jalan darat tuan.
Azam :Dan membuat jalan akan menimbulkan masalah-masalah yang lain pulak.

- Terutama sekali masalah tanah. Tak begitu abang Suhai?
- Suhai :Tanah merupakan perkara yang amat sensitif di Laka sekarang ini tuan
- Azam :Begitu sensitif sehingga projek IADP dikatakan projek yang akan merampas tanah kepunyaan rakyat? Apapun IADP mesti digerakkan. Terlaksana IADP akan terlaksana segala yang lain termasuk jalan-jalan impian Inspektor Minus tu.

(Anak Sarawak, 1989)

Dalam perbincangan itu, Azam berkeras untuk melaksanakan projek IADP tersebut walaupun mendapat tentangan daripada masyarakat peribumi di situ kerana beliau percaya bahawa projek bersepadu inilah yang akan menjadi pemangkin kepada pembangunan dan kemajuan yang seterusnya bagi daerah Laka. Isi perbincangan antara Azam, Suhai dan Inspektor Minus juga menceritakan mengenai masalah sistem perhubungan yang masih mengekalkan penggunaan jalan air secara maksimum oleh rakyat setempat serta keperluan untuk mereka mempunyai perhubungan jalan darat pula. Dengan projek pertanian bersepadu itu kelak maka menurut Azam, pelaksanaan projek pembangunan yang lain akan turut sama dapat dijalankan. Dialog di antara mereka bertiga ini turut memberitahu tentang keadaan sebenar mengenai kepentingan pelaksanaan projek IADP untuk kawasan Kalaka-Saribas-Betong yang telah dilaksanakan tiga tahun sebelum kisah tentang Anak Sarawak ini difilemkan. Menurut rekod antara kepentingan projek IADP untuk rakyat setempat di situ adalah seperti berikut:

Bermula pelaksanaan projek pada tahun 1986, tumpuan utamanya adalah untuk mengatasi masalah kekurangan infrastruktur yang melibatkan pembangunan sistem saliran untuk memperbaiki tanah yang sering ditengalami air pasang surut serta membina jalan raya dalam kawasan projek untuk

mbolehkan ianya dibangunkan dengan aktiviti pertanian secara komersil.

(Portal Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia: 1)

Namun, cabaran untuk Azam sebagai Pegawai Daerah baru di situ ialah untuk mendapat kepercayaan rakyat setempat untuk bersama-sama memajukan tanah yang dimiliki oleh mereka dengan menggunakan sebuah sistem terancang dan terkawal. Isu dan kepentingan mengenai hak tanah ini kemudiannya diteruskan dalam babak seterusnya oleh Azam yang mengadakan perbincangan bersama Haji Pawi, pemimpin tempatan yang dihormati oleh penduduk Laka. Haji Pawi adalah pemimpin yang dihormati oleh seluruh lapisan masyarakat di Laka dan dapat diandaikan bahawa suara beliau adalah mewakili seluruh kaum di sana. Dalam perbincangan itu, Haji Pawi menegaskan pendiriannya mengenai hak kebebasan untuk memiliki tanah dan bebas untuk melakukan apa sahaja ke atas tanah tersebut tanpa ada sekatan ataupun paksaan dari mana-mana pihak. Perbezaan pandangan jelas dipaparkan dalam perbualan antara Azam dan Haji Pawi seperti berikut:

- Haji Pawi : Saya tak boleh terima apa projek sekalipun yang pada pandangan saya melanggar rukun hidup bebas.
- D.O : Barangkali tuan memberikan pengertian yang terlalu tersendiri bagi perkataan 'bebas' tu tak.
- Haji Pawi : Tidak sekali-kali. Bebas merdeka maknanya kita berhak memiliki tanah di bumi kita sendiri... (Sambil pegang senapang) berhak menjadi tuan kepada tanahnya itu. Dan berhak melakukan apa sahaja yang kita suka ke atasnya. Kalau saya nak bertanam lalang 20 ekar di tanah kepunyaan saya sendiri tiada siapa yang boleh melarang atau menegur saya.

- D.O : Dan tiada siapa yang bertujuan untuk melarang atau menegur Tuan Haji. Sudah tentu tidak dari saya. Bukan itu asas projek ini. Saya rasa Tuan Haji masih belum faham juga lagi akan hakikat sebenarnya.
- Haji Pawi : Yang saya faham, tuan tanah yang tak mahu turut serta, dipaksa turut serta.
- D.O : Sebab sistem ini hanya boleh berjaya sepenuhnya kalau semua turut serta Tuan Haji. Maka itu ia digelar IADP-Petani Bersepadu.
- Haji Pawi : Bergelar apa pun bagi saya memaksa namanya.
- D.O : Sistem yang memaksa Tuan Haji, untuk kebaikan semua. Telah terbukti merata-merata.
- Haji Pawi : Tapi tetap memaksa. Saya telah berjuang seumur hidup untuk menentang apa sahaja rupa kuasa yang memaksa. Saya tak boleh menerima hakikat bahawa segala kemudahan hidup, segala kemajuan Laka ini tergantung kepada keadaan... Saya yang mengaku bahawa saya tak reti bagaimana untuk mengusahakan tanah kepunyaan saya sendiri!"
(Anak Sarawak, 1989)

Dalam dialog ini, Haji Pawi sebagai pejuang nasionalis yang pernah berjuang untuk menuntut kebebasan dari kuasa asing di bumi Sarawak ini telah menolak usul yang dibawa oleh Azam iaitu projek pembangunan secara bersepadu dan terancang untuk pertanian di daerah Laka ini. Menurut Azam, projek pertanian bersepadu ini hanya akan berjaya sekiranya mendapat penyertaan oleh semua petani di daerah Laka, namun usul ini ditolak oleh Haji Pawi yang berpendapat

projek itu adalah suatu bentuk pemaksaan kepada rakyat untuk mengusahakan tanah milik mereka dengan mengikut sahaja segala yang diatur untuk mereka. Isu tanah yang diutarakan dalam filem ini merupakan refleksi kepada polemik masyarakat Melayu dan peribumi yang masih terikat dalam sistem pertanian tradisional. Bagi golongan petani tradisional, pengetahuan dan kesedaran mengenai penggunaan tanah secara maksimum dalam kegiatan ekonomi moden adalah kurang. Hal ini dirumitkan lagi dengan perkembangan ekonomi laissez-faire dan kemasukan pemodal asing yang cepat menguasai ekonomi tempatan. Justeru itu, ianya memerlukan para petani untuk turut menyesuaikan diri dalam perkembangan ekonomi bersistem kapitalis ini dan mengubah kaedah mengurus tanah.

Dinamika ekonomi pasaran nyata mewujudkan kerencaman isu kerana pada ketika itu penggunaan tanah secara tradisi bersama unsur-unsur adat masih diguna pakai oleh para petani peribumi. Oleh itu, penggunaan tanah untuk pertanian, misalnya dengan tanaman getah atau padi hanyalah dibuat dalam skala yang kecil. Penggunaan tanah yang diusahakan juga adalah sekadar untuk keperluan sara hidup sekeluarga tanpa mempunyai lebih pendapatan melalui usaha pertanian (Ahmad Nazri Abdullah, 1985:184-185). Situasi ini dapat dilihat dalam filem Anak Sarawak apabila rakyat Laka masih menolak untuk menyertai pelaksanaan pertanian secara bersepadu ini terutamanya kerana sudah lama terbiasa mengusahakan tanah dengan cara mereka sendiri serta mengikut adat dan tradisi yang telah lama diamal dan dimanfaatkan sebelum ini. Gambaran-gambaran yang dipaparkan dalam filem Anak Sarawak ini adalah manifestasi Rahim Razali yang dapat diteliti menerusi pendekatan sosiologi sastera tentang perjuangan sebenar anak-anak watan Sarawak pada era pasca kemerdekaan. Protes sosial dan anjakan kemasyarakatan serta perjuangan dan pengorbanan anak jati Sarawak untuk melahirkan masyarakat yang lebih maju dan progresif segalanya didokumentasikan dalam filem ini. Keadaan ini bersesuaian dengan pandangan Goldman (1980) yang menyatakan bahawa karya sastera itu merupakan struktur hasil produk daripada proses sejarah yang berlaku dalam sesebuah masyarakat.

Kesimpulan

Analisis terhadap tiga filem yang menyentuh mengenai isu tanah yang dibangkitkan oleh Rahim Razali ini telah menunjukkan kecenderungan beliau terhadap isu dan permasalahan teras orang Melayu yang berlaku sekian lamanya. Melalui pendekatan sosiologi sastera, Rahim Razali telah berjaya mendokumentasikan realisme masyarakatnya dalam filem-filem beliau. Isu yang dipaparkan juga adalah relevan kerana menunjukkan polemik realiti yang memberi refleksi kepada soal jatuh bangun bangsa Melayu dari zaman dahulu sehinggalah saat ini. Soal tanah sebagai harta dan aset serta hak dan pemilikan oleh bangsa Melayu bagi mengekalkan kelangsungan bangsa ini dalam tanah airnya adalah signifikan kepada generasi masa muka. Tanah bagi orang Melayu juga adalah lambang kedaulatan dan keistimewaan untuk menjamin ketuanan bangsa itu di bumi Malaysia. Keprihatinan Rahim Razali untuk menyalurkan mesej berguna untuk pengetahuan dan kesedaran semua lapisan penonton mampu mengubah permasalahan sosial berkaitan tanah yang dihadapi oleh masyarakat Melayu dalam situasi dunia kini. Sebagai pengkarya seni yang mencintai sejarah, bangsa, budaya dan negara, Rahim Razali telah menjalankan tanggungjawab beliau kepada masyarakat dengan menyampaikan idea dan kritikan dari segi sosial, sosio ekonomi dan sosio politik dalam usaha memberi pencerahan kepada umum tanpa menghidangkan filem yang berlandaskan hiburan semata-mata.

Nota Hujung

¹ Takrifan karya sastera sebagai dokumen sosiobudaya, kerana karya tersebut mencatatkan sosiobudaya sesuatu masyarakat pada sesuatu masa. Takrifan ini diambil dari pandangan Swingewood yang menjelaskan bahawa sosiologi adalah suatu kajian saintifik, kajian objektif manusia dalam masyarakat, kajian sosial dan proses sosial, serta bertujuan untuk memberi jawapan bagaimana masyarakat boleh melakukannya, bagaimana ia dilakukan dan mengapa perkara tersebut mampu bertahan (Swingewood, 1972:11)

² Syed Syeikh Al-hadi adalah kelahiran Kampung Hulu Melaka dan

berketurunan Melayu dari ibunya dan Arab dari belah bapanya. Beliau adalah anak murid Raja Ali Haji seorang agamawan dan pengarang tersohor di Riau ketika masa kecilnya. Beliau kemudiannya berangkat ke Mesir dan Arab untuk melanjutkan pendidikannya dan turut menjadi anak didik kepada reformis terkenal Sheikh Muhammad Abduh ketika di sana. Sekembali ke Malaya beliau menjadi peguam Syariah di Mahkamah Agama Johor. Semasa hayatnya, beliau telah mendirikan dua buah sekolah iaitu Madrasah Al Hadi di Melaka (1915) dan Madrasah Al-Mashur di Pulau Pinang (1926) dan menjadi mudir di kedua-dua sekolah tersebut. Beliau kemudiannya meninggalkan bidang perundangan untuk aktif dalam bidang penulisan terutamanya untuk beliau menzahirkan buah fikirannya dan menaikkan semangat Islam di kalangan Melayu. Pada 1906 beliau menerbitkan dan menjadi editor kepada majalah Al-Imam dan seterusnya majalah Al-Ikhwani (1927) dan akhbar Saudara (1928). Menurut Za'ba dalam artikel bertajuk "Pembangunan Moden Kesusasteraan Melayu", Syed Sheikh Al-Hadi adalah pelopor pembangunan kesusasteraan Melayu (Ahmad Faisal, 2011:409).

³ Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia (IAAM) ditubuhkan pada tahun 1987 yang di anggotai oleh ahli akademik, ahli ikhtisas, organisasi dan pelajar. Mereka semua terlibat dalam bidang arkeologi atau bidang yang berkaitan seperti geologi, paleontologi, statistik, geomorfologi, purbawan dan juga bidang-bidang yang berkaitan muzium. Matlamat penubuhan IAAM ini antaranya ialah untuk menghimpunkan tenaga ahli arkeologi Malaysia untuk kepentingan pembangunan budaya kebangsaan serta memberi kesedaran kepada rakyat serta menyebarkan maklumat tentang kegiatan arkeologi Malaysia. Pertubuhan ini juga sering bertukar maklumat mengenai arkeologi dengan negara-negara ASEAN dan lain-lain negara pada peringkat antarabangsa.

⁴ Artikel ditulis oleh Dol Qatram bertarikh 1.2.1931 dalam halaman 1, Majalah Majlis (Ahmad Nazri Abdullah, 1985:197). Akhbar Majlis mula diterbitkan pada tahun 1931 dan dianggap sebagai akhbar kebangsaan Melayu yang unggul pada waktu itu kerana peranannya dalam memaparkan perkara-perkara yang membangkitkan semangat orang-orang Melayu dan memberi kesedaran mengenai kepentingan serta kedudukan orang-orang Melayu secara keseluruhan.

⁵ Faktor ras mengikut pandangan sarjana Hippolyte Taine ini dihubungkan dengan perkara yang melibatkan keperibadian yang

diwarisi, sikap (temperament) dan sebagainya (Mohamad Mokhtar, 1995: 35; Swingewood, 1972:33)

Rujukan

- Adi Pranajaya. (1993). *Filem dan masyarakat*. Jakarta: Yayasan Citra.
- Abdul Rahman Embong. (1997). *Permasalahan teori dalam sosiologi*. Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Perbandingan Teori, Tanjung Kling, Melaka.
- Ahmad Faisal Mohd Fiah (2011). Role of Al-Imam in Malay transformation until 1941. *IPEDR Vol.5* 408-412.
- Ahmad Nazri Abdullah. (1985). *Melayu dan tanah*. Petaling Jaya: Media Intelek Sdn Bhd.
- Asmiaty Amat. (2011). Ngayau sebagai sebuah novel berwarna tempatan: Satu kajian sosiologi sastera. *MANU: Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa*. Vol 17 (2011) 39-56.
- Ani Ahmad. (2000). *Tanah Rizab Melayu di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur : Satu kajian kes terhadap aspek perumahan di Kampung Dato' Keramat*. (Tesis Sarjana). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Badrul Redzuan Abu Hassan & Faridah Ibrahim (2011). Membangun 'Sinema Sikap': Memproblematik hubungan kekuasaan Melayu-Tionghua dalam Mukhsin. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 27(2), 137-160.
- Goldman, L. (1980). *Essays on method in the sociology of literature*. St. Louis Mo: Telos Press.
- Hsieh, H. F., & Shannon, S. E. (2005). Three approaches to qualitative content analysis. *Qualitative Health Research*, 15(9), 1277-1288.
- Juliana Abdul Wahab & Mahyuddin Ahmad (2009). Filem box office dan ideologi: Satu kajian terhadap filem-filem terpilih di Malaysia. *Wacana Seni: Journal of Arts Discourse*, 8.

- Kerajaan Negeri Sarawak. (Produser), & Rahim Razali. (Pengarah). (1989). Anak Sarawak [Filem cereka]. Malaysia: ASA-XX Films.
- Khairool Anuar, H. H. (2014). Menyelusuri sejarah pelaksanaan Projek Pertanian Bersepadu Perlis 1982-2000. Prosiding Seminar Institusi Raja (SIRaj II): Seminar Raja dan Kerajaan Perlis, 131-142.
- Kwok Chin Hoe & Haris Abd Wahab. (2013). Tahap penglibatan masyarakat rumah panjang dalam program pembasmian kemiskinan di Sarawak. e-Bangi, 8 (1), 1-12.
- Laurenson, D., & Swingewood, A. (1972). *The sociology of literature*. London: MacGibbon & Kee Ltd.
- Mahathir Mohamad (8 Julai, 2014). Transformasi Johor Bahru. Dicapai dari Chedet: <http://chedet.cc/>
- Mansor Hj Othman. (1978). *Hakmilik tanah padi dan politik di Kedah*. (Tesis sarjana). Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Mohamad Mokhtar Hassan (1995). *Sosiologi sastera: Teori dan aplikasi*. Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Universiti Malaya.
- Mohd Hasrol Haffiz Aliassak & Mohd Farid Sa'ad. (2015). Sejarah pentadbiran dan perundangan terawal tanah milikan adat Melayu di Semenanjung: Satu tinjauan. *Akademika*: Universiti Teknologi MARA Perak, 2, 36-45.
- Mohd Hasrol Haffiz Aliassak. (2017, September). *Tanah Rizab Melayu: Sejarah dan cabaran*. Kertas Kerja Tanah Rizab Melayu. Diperoleh daripada <http://tanah.perak.gov.my/ptgperak/contents/pfoi2017/slide-lab-3/KERTAS%20KERJA%20TANAH%20RIZAB%20MELAYU%20-%207.9-2017.pdf>
- Mohtar, H. D. (1977). *Kepercayaan dan pantang larang*. Kuala Lumpur: Federal Publications.
- Muhamad Fathi Yusof. (2017). *Undang-Undang tanah Malaysia*. Selangor: Mus'ab E-Book Publication.
- Nik Hashim Nik Mustapha. (1996). *Perancangan pembangunan pertanian di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

- Rahim Razali. (1981). Abang [Video file]. Diakses dari https://www.youtube.com/watch?v=4hhs5V4Lv_A
- Rahim Razali. (8 Oktober, 2016). Tentang Filem-Filem Rahim Razali. (Siti Normala Hamzah, Penemubual)
- Rohayati Hussin & Rusnadewi Abdul Rasyid (2014, November). *Dilema pembangunan Tanah Rizab Melayu: Satu warisan atau satu tanggisan?* E-prosiding untuk Technology, Science, Social Sciences & Humanities International Conference (TeSSHl).
- Shellabear, W.G. (1896). *Sejarah Melayu*. Singapore: The American Mission Press.
- Taine, H. (1900). *History of English literature*. USA: University of California Libraries.
- Umar Junus. (1986). *Sosiologi sastera: Persoalan teori dan metode*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ungku Maimunah Mohd Tahir (2006). Pemahaman dan penerapan sosiologi sastera dalam sastera Melayu moden. *Akademika*, 69 (1), 3-16.
- Uqbah Iqbal, Nordin Hussin & Ahmad Ali Seman. (2015). Sejarah perkembangan ekonomi Semenanjung Tanah Melayu dan sifat ekonomi masyarakat. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 95-119.
- Universiti Kebangsaan Malaysia. (t.t). Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia. Retrieved from Universiti Kebangsaan Malaysia: <http://www.ukm.my/iaam/>
- Wan Rohani Zain. (Produser), & Rahim Razali. (Pengarah). (1987). Puteri [Filem Cereka]. Malaysia: ASA- XX Film Productions.
- Zaharah Sulaiman. (2018, Januari). *Tanah rizab dan hak Melayu*. Kertas kerja yang dibentangkan di Konvensyen Kebangkitan Ummah, Kuala Lumpur.